

Berita KUIM

Januari 2004

Cedaran Dalam Minda

“Kecemerlangan Dihayati, Graduan Berkualiti” Tema Mahrajan Kerjaya KUIM 2004



KUIM telah menganjurkan Program Mahrajan Kerjaya 2004 pada 14 - 16 Januari 2004 bertempat di kampus sementara iaitu di Tingkat 11, Menara B, Persiaran MPAJ, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, Kuala Lumpur. Program Mahrajan Kerjaya 2004 pada kali ini bertepatan “Kecemerlangan Dihayati, Graduan Berkualiti.” Majlis perasmian Program Mahrajan Kerjaya 2004 pada kali ini telah disempurnakan oleh YBhg Dato’ Ahmad Tajuddin bin Abdul Rahman, Pengarah Urusan Bank Islam Malaysia Berhad.

Program Mahrajan Kerjaya 2004 yang telah dianjurkan ini merupakan program peringkat kebangsaan yang menjurus ke arah pencarian kerjaya secara terancang dan bersistematik.

Objektif program Mahrajan Kerjaya ini adalah untuk memberi maklumat dan informasi mengenai dunia kerjaya dalam era sains dan teknologi serta cabaran dalam mencari pekerjaan, memberikan kesedaran kepada bakal graduan mengenai minat dan kecenderungan kerjaya mereka, menyediakan bakal graduan secara mental dan fizikal melalui latihan dan kemahiran secara teori dan praktikal serta menyediakan ruang percambahan dan cetusan idea supaya bakal graduan lebih kreatif di dalam mencari kerjaya yang sesuai bagi diri mereka tanpa perlu menunggu peluang pekerjaan yang ditawarkan.

Pelbagai aktiviti dan pengisian yang menarik serta bermanfaat diadakan sepanjang tiga hari program ini berlangsung seperti Pameran Kerjaya, *Career Talk Series*, Bengkel Penulisan Resume, Bengkel Keterampilan Imej dan Personaliti, Bengkel Temuduga, Temuduga Terbuka dan lain-lain lagi.

Di dalam Pameran Kerjaya, sebanyak 15 buah organisasi serta syarikat yang terdiri daripada badan-badan kerajaan, badan-badan berkanun dan badan-badan swasta menyertai Pameran Mahrajan Kerjaya 2004. Di antaranya ialah Badan Pencegah Rasuah (BPR), Takaful Malaysia, Polis DiRaja Malaysia, Tentera Darat DiRaja Malaysia, Bomba, Kor Agama Tentera (KAGAT), ISTAC dan Jabatan Tenaga Kerja. Pameran Kerjaya ini dibuka kepada semua orang ramai sepanjang 14 - 16 Januari 2004 dan berlangsung di dari jam 8.30 pagi hingga pukul 4.00 petang.



Majlis penutup Program Mahrajan Kerjaya 2004 ini telah diadakan pada 16 Januari 2004 dan disempurnakan oleh YBhg Tan Sri. Dr. Mohd Yusof Noor, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Kolej Universiti Islam Malaysia.

Sanggar Kerja Pentadbiran KUIM Kali Pertama

Sanggar Kerja Pentadbiran selama 3 hari di Hotel Awana, Genting Highlands, Pahang mencatat sejarah tersendiri kerana ia bertujuan untuk menilai tahap pencapaian KUIM selama 3 tahun. Sanggar kerja yang diadakan selama 3 hari ini telah dirasmikan oleh Rektor, YBhg Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin.

...merenungi penubuhan 3 tahun, memperhalusi kelemahan dan melihat masa depan

Matlamat Sanggar Kerja Pentadbiran ini juga adalah untuk mencari persefahaman dari pelbagai jabatan / bahagian / unit sebagai satu pasukan kerja di samping membuat perancangan terkini KUIM dan seterusnya memperbaiki isu-isu yang boleh dianggap sebagai halangan.

Selain daripada itu, ia adalah bertujuan untuk menilai aktiviti yang telah dijalankan sama ada bersesuaian dengan polisi KUIM sendiri di samping melihat kemampuan kakitangan dan kewangan. Pengurusan KUIM juga diminta untuk mengenalpasti peluang-peluang yang boleh direbut seterusnya ia akan digariskan, dirancang dengan teliti sebelum dilaksanakan dengan mengambilkira faktor-faktor sosial, kemahiran, kewangan, teknologi maklumat dan persekitaran.

BENGKEL BELANJAWAN KUIM 2004 - 2005 AGIH SEMULA PERUNTUKAN

Bengkkel Belanjawan KUIM tahun 2004 & 2005 telah diadakan di Guoman Port Dickson Resort pada 27 - 28 Januari 2004 bagi membincangkan semula keperluan-keperluan peruntukan setiap Jabatan/Bahagian/Unit/Fakulti berdasarkan peratus belanjawan yang ada. Ini berikutan peruntukan keseluruhan mengurus KUIM pada tahun 2004 adalah sebanyak RM23,859,500-00 di mana ia berkurangan 34% dari jumlah sebenar yang diminta iaitu RM36,345,315-00. Bengkel 2 hari ini bertujuan untuk memberi maklumat terperinci tentang Jumlah Mengurus Tahun 2004 yang diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia serta agihan semula bajet tahun 2004 mengikut aktiviti-aktiviti yang telah diluluskan.

Jalinan kerjasama antara dua institusi...

KOLEJ ISLAM JOHOR (KIJ) TELAH MEMBUAT LAWATAN AKADEMIK KE KUIM PADA TANGGAL 12 JANUARI 2004. LAWATAN INI TELAH DIKETUAI OLEH ENCIK MOHD KHATA JABOR, PENGARAH KIJ SENDIRI. TUJUAN UTAMA LAWATAN INI ADALAH UNTUK MEMBINCANGKAN KERJASAMA DUA HALA DALAM BIDANG AKADEMIK DISAMPING MEMPERKENALKAN INSTITUSI MASING-MASING.



PROF. DATO' DR. ABDULLAH MOHD ZIN, TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK & PENYELIDIKAN) BERSAMA PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KUIM MENYAMBUT ROMBONGAN DARI JOHOR INI. SESI SOAL-JAWAB DAN SESI PERBINCANGAN TELAH DIADAKAN DI ANTARA DUA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI ISLAM INI DALAM MEWUJUDKAN JALINAN KERJASAMA YANG LEBIH ERAT DAN BERMANFAAT KEPADA KEDUA-DUA BELAH PIHAK.

Timbalan Dekan

- Encik Muhammad Mustaqim Mohd Zarif dilantik sebagai Timbalan Dekan Fakulti Pengajian Quran & Sunnah mulai 1 Januari 2004
- Prof. Madya Dr. Syamsul Bahri Andi Galigo dilantik sebagai Timbalan Dekan Fakulti Kepimpinan & Pengurusan mulai 2 Januari 2004

Pemangku Pengarah

- Prof. Dr. Mohamed Asin Dollah dilantik sebagai Pemangku Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan & Persidangan (PPPP) mulai 1 Disember 2003



Kelab Wardah

- ✓ Kelab yang ditubuhkan khusus untuk kakitangan wanita dan isteri kakitangan KUIM atau lebih dikenali sebagai Kelab Wardah telah mengadakan Mesyuarat Agong Pertamanya pada 10 Januari 2004 di Menara B, MPAJ.
- ✓ Mesyuarat Agong kali pertama ini telah dirasmikan oleh YBhg Prof. Dato³ Dr. Abdul Shukor Haji Husin, Rektor KUIM.
- ✓ **Objektif**
 - ◆ Merapatkan hubungan di antara kakitangan wanita dan isteri-isteri kakitangan di semua peringkat perkhidmatan;
 - ◆ Menambahkan pengetahuan terutamanya dalam memajukan diri ahli-ahli Kelab menerusi aktiviti dan program yang dijalankan;
 - ◆ Menggalakkan ahli-ahli menyertai aktiviti yang berfaedah untuk keluarga dan masyarakat;
 - ◆ Mengeratkan perhubungan dengan kelab dan persatuan luar, khususnya yang berkaitan dengan kaum wanita.

Ahli Jawatankuasa Kelab Wardah sesi 2004/2006

Pengerusi	: YBhg Datin Ramah Abdul Manan
Naib Pengerusi	: YBhg To ³ Puan Wan Naimah Hj. Wan Latif
	: Puan Rohani A. Aziz
Penasihat	: Puan Rohani Abu
Setiausaha	: Puan Salmah Mohamad
Pen. Setiausaha	: Puan Khadijah Chamilli
Bendahari	: Cik Hanan Abdullah
Ahli Jawatankuasa	: Puan Anna Kustyana Mukandar
	: Puan Marina Yusop
	: Puan Hanim Misbah
	: Puan Monaliza Laundang
	: Cik Selvarani A/P P. Kovil Pillai
	: Cik Noorfazira Zainol Rashid
	: Puan Laila Atan




Dalam lembaran *sejarah...*

- 10 Januari – Mesyuarat Agung Pertama Kelab Wardah di Menara B, MPAJ
- 12 Januari – Lawatan Akademik dari Kolej Islam Johor di Menara A, MPAJ
- 14 – 16 Januari – Program Mahrajan Kerjaya KUIIM di Menara B, MPAJ
- 17 - 19 Januari – Sanggar Kerja Pentadbiran di Hotel Awana, Genting Highlands
- 27 – 28 Januari – Bengkel Belanjawan KUIIM 2004-2005 di Guoman Port Dickson Resort
- 29 Januari – Majlis Penyerahan Cek Iran di Menara A, MPAJ

Tabung kemanusiaan bantu rakyat Iran

26 Disember merupakan tarikh malang bagi rakyat Iran di Bam kerana pada tarikh keramat tersebut, berlakunya gempa bumi yang mengorbankan lebih 40,000 nyawa. Di atas dasar kemanusiaan untuk membantu meringankan penderitaan rakyat Iran, Majlis Perwakilan Pelajar KUIIM telah melancarkan tabung "Rayuan Gempa Bumi Iran" yang berjaya mengutip sejumlah RM1,302-67 daripada pelajar-pelajar dan kakitangan KUIIM.

Sumbangan ikhlas tersebut telah disampaikan oleh Prof. Dr. Muhammad Haji Alias dan MPP sendiri kepada wakil Utusan Malaysia pada 29 Januari di KUIIM.



Diterbitkan oleh Pejabat
Perhubungan Awam KUIIM
Tel: 03-42892094/2157
Faks: 03-42892153
E-mail: fazira@admin.kuim.edu.my